




KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

**KENYATAAN MEDIA
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

**SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS
2019 (COVID-19) DI MALAYSIA
MINGGU EPIDEMIOLOGI 47 TAHUN 2022
(20 NOVEMBER – 26 NOVEMBER 2022)**

STATUS TERKINI PENGGUNAAN FASILITI KESIHATAN


Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin mengumumkan bahawa secara keseluruhan, jumlah kemasukan pesakit COVID-19 ke fasiliti kesihatan (hospital dan PKRC) bagi setiap 100,000 penduduk **meningkat** sebanyak **5.1 peratus** pada Minggu Epidemiologi ke-47 tahun 2022 (ME 47/2022) berbanding ME 46/2022 (**Rajah 1**);



Rajah 1: Jumlah kemasukan pesakit COVID-19 ke fasiliti kesihatan (hospital dan PKRC awam) bagi setiap 100,000 penduduk dari ME 1/2022 sehingga ME 47/2022

Jumlah kemasukan pesakit COVID-19 ke hospital awam bagi setiap 100,000 populasi pada ME 47/2022 berbanding ME 46/2022 adalah seperti berikut (**Rajah 2**);


- Pesakit kategori 1 dan 2 **meningkat** sebanyak **3.4 peratus**; manakala
- Pesakit kategori 3, 4, dan 5, **meningkat** sebanyak **4.1 peratus**.



Rajah 2: Taburan jumlah kemasukan pesakit COVID-19 mengikut kategori ke hospital awam mengikut kategori bagi setiap 100,000 penduduk dari ME 1/2022 hingga ME 47/2022


Peratus pengisian katil fasiliti COVID-19 pada ME 47/2022 berbanding ME 46/2022 (**Rajah 3**) adalah seperti berikut:

- Katil bukan kritikal **meningkat** sebanyak **1 peratus**;
- Katil Unit Rawatan Rapi (ICU) **meningkat** sebanyak **1 peratus**; dan
- Katil Pusat Rawatan COVID-19 Berisiko Rendah (PKRC), sebanyak **69 peratus**. Satu (1) PKRC baru dengan kapasiti katil sebanyak 15 katil telah diaktifkan pada ME 47/2022.



Rajah 3: Peratusan pengisian katil fasiliti COVID-19 dari ME 1/2022 hingga ME 47/2022

Peratusan pesakit COVID-19 memerlukan alat bantuan pernafasan (ABP) **meningkat** sebanyak **0.2 peratus (Rajah 4)** pada ME 47/2022 berbanding ME 46/2022.



Rajah 4: Peratus pesakit COVID-19 memerlukan alat bantuan pernafasan dari ME 1/2022 hingga ME 47/2022


PEMANTAUAN COVID-19 DI PUSAT PENILAIAN COVID-19 (CAC)

Untuk makluman, kes-kes positif COVID-19 yang dipantau oleh Pusat Penilaian COVID-19 (CAC) di seluruh negara telah menunjukkan sedikit penurunan berbanding minggu sebelum ini.

Berikut adalah perbandingan data CAC fizikal yang dilaporkan pada ME 46/2022 dan ME 47/2022 (**Rajah 5**):


- Bilangan kedatangan pesakit ke CAC **meningkat** sebanyak **8 peratus**;
- Bilangan kes COVID-19 baharu yang menjalani pemantauan di rumah turut **meningkat** sebanyak **9 peratus**; dan

- Bilangan kes COVID-19 yang dirujuk CAC ke hospital juga **meningkat** sebanyak **29 peratus** jika dibandingkan dengan minggu sebelumnya.



Rajah 5: Tren kedatangan pesakit ke CAC fizikal, kes baharu COVID-19 menjalani pemantauan di rumah dan kes rujukan CAC ke hospital dari ME 30/2022 hingga ME 47/2022

Untuk CAC Maya, jumlah kes yang melengkapkan penilaian sendiri (HAT) menunjukkan **penurunan** sebanyak **8 peratus** pada akhir ME 47/2022 berbanding ME 46/2022; iaitu dari 30,399 kepada 28,052 kes. Dari jumlah tersebut, peratusan individu dengan Kategori 2b dan ke atas adalah 6 peratus (1,778 kes) (**Rajah 6**).



Rajah 6: Pecahan Individu Dalam Pemantauan CAC Maya Yang Melengkapkan HAT Mengikut Kategori Untuk ME 46/2022 (13 November 2022 hingga 19 November 2022) dan ME 47/2022 (20 November 2022 hingga 26 November 2022).


STATUS TERKINI KES COVID-19

Dari 25 Januari 2020 (ME 4/2020) hingga 26 November 2022 (ME 47/2022), situasi terkini COVID-19 adalah seperti berikut:


- Kumulatif kes baharu: 4,984,272;
- Kumulatif kes sembuh: 4,920,983 kes;
- Kumulatif kes kematian: 36,648 kes; dan
- Kumulatif kluster: 7,152 kluster (kluster aktif: 62 kluster).

Perbandingan antara ME 46/2022 dan ME 47/2022:


- Bilangan kes sembuh pada ME 47/2022 **menurun** sebanyak **19.0 peratus** (23,089 kes kepada 18,699 kes) **(Rajah 7)**;
- Bilangan kes baharu pada ME 47/2022 **menurun** sebanyak **2.5 peratus** (19,083 kes kepada 18,606 kes) **(Rajah 8)**;
 - Bilangan kes tempatan **menurun** sebanyak **2.6 peratus** (19,068 kes kepada 18,581 kes); dan
 - Bilangan kes import **meningkat** sebanyak **66.7 peratus** (15 kes kepada 25 kes).
- Bilangan kes kematian pada ME 47/2022 **meningkat** sebanyak **17.0 peratus** (47 kes kepada 55 kes).
- Purata kes aktif setiap hari bagi ME 47/2022 **menurun** sebanyak **2.8 peratus** (27,806 kes kepada 27,020 kes) **(Rajah 9)**.



Rajah 7: Taburan kes baharu, kes sembuh, dan kes kematian COVID-19 dari ME 1/2022 hingga ME 47/2022




Rajah 8: Taburan kes baharu, kes tempatan, dan kes import COVID-19 dari ME 1/2022 hingga ME 47/2022



Rajah 9: Purata 7 hari kes aktif harian COVID-19 dari ME 1/2022 hingga ME 47/2022

NILAI RT

Nilai R_T pada ME 47/2022 adalah **0.96 (Rajah 10)**.




Rajah 10: Purata Nilai R_T mingguan tahun 2022 dari ME 1/2022 hingga ME 47/2022


SURVELAN INFLUENZA-LIKE ILLNESS (ILI) DAN SEVERE ACUTE RESPIRATORY INFECTION (SARI) BAGI COVID-19

KKM ingin memaklumkan bahawa sehingga ME 47/2022, hasil surveilan COVID-19 di lokasi sentinel seluruh negara mendapati:

- Sebanyak 191 sampel ILI dikesan positif COVID-19 dengan kadar positif **24.3 peratus** pada ME 47/2022 (**Rajah 11**); dan
- Sebanyak **1.7 peratus** sampel SARI dikesan positif COVID-19 pada ME 47/2022 (**Rajah 12**).



Rajah 11: Kadar positif sampel ILI bagi COVID-19 dari Klinik Kesihatan sentinel sehingga ME 47/2022



Rajah 12: Kadar positif sampel SARI bagi COVID-19 dari hospital sentinel sehingga ME 47/2022

PERKHIDMATAN PENDISPENSAN UBAT ANTIVIRAL

PAXLOVID DI FASILITI KESIHATAN PRIMER

Pusat Penilaian COVID-19 (COVID-19 Assessment Center - CAC) telah memainkan peranan yang penting dalam pendispensan ubat antiviral **Paxlovid** (PF-07321332 /Nirmatrelvir 150mg Film-Coated Tablets & Ritonavir 100mg Film-Coated Tablets), sejenis ubat antivirus yang telah digunakan untuk merawat jangkitan COVID-19 di fasiliti kesihatan primer. Setiap Pegawai Perubatan dan Pakar Perubatan Keluarga di fasiliti kesihatan primer (CAC dan di klinik kesihatan) yang mendispens Paxlovid, telah dilatih dengan secukupnya agar rawatan yang berkesan dan selamat dapat diberikan kepada pesakit.

Setakat ini, 481 CAC yang menyediakan perkhidmatan ini di seluruh Malaysia. Ubat Paxlovid juga boleh diperolehi daripada 352 klinik dan 85 hospital swasta. Pesakit akan diberikan notifikasi melalui aplikasi MySejahtera dan sistem pesanan ringkas (SMS) untuk mendapatkan penilaian bagi pesakit yang mungkin layak untuk menerima ubat antiviral Paxlovid daripada fasiliti kesihatan primer terdekat di tempat tinggal anda. Sila beri kerjasama mengikut arahan yang diterima bagi mengurangkan risiko komplikasi jangkitan COVID-19 yang lebih teruk. Sekiranya ada sebarang masalah boleh berhubung dengan fasiliti kesihatan berhampiran.

NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19

Sejak 1 April 2022, Malaysia telah berada dalam Fasa Peralihan ke Endemik susulan keberkesanan tindakan pencegahan dan kawalan kesihatan awam. Peralihan fasa ini juga disebabkan oleh kejayaan program vaksinasi COVID-19 di seluruh negara.

Walaupun demikian, KKM ingin menasihati orang ramai agar terus mematuhi saranan serta nasihat-nasihat kesihatan yang sering ditekankan iaitu;

- **Elakkan 3S;**
- **Amalkan 3W;**
- **Amalkan TRIIS;**
- Jalani ujian COVID-19 sekiranya **bergejala**;
- Individu **positif COVID-19 Kategori 1 dan 2A dan bukan berisiko tinggi (berumur bawah 60 tahun dan tidak mempunyai komorbid)**, tidak perlu hadir ke **Pusat Penilaian COVID-19 (CAC)**, sebaliknya hanya perlu melakukan pemantauan sendiri melalui HAT dalam aplikasi MySejahtera. SMS atau panggilan daripada perkhidmatan *Automated Voice Recording (robocall)* akan diterima sekiranya belum atau tidak menjalankan pemantauan sendiri setiap hari;
- Individu yang perlu hadir ke CAC terdekat (senarai penuh lokasi, nombor telefon dan waktu operasi boleh didapati di

<https://covid-19.moh.gov.my/hotline>) untuk penilaian lanjut akan dimaklumkan melalui MySejahtera atau dihubungi CAC melalui SMS atau panggilan telefon;

- Individu yang **positif COVID-19 Kategori 2A (yang berisiko tinggi) dan ke atas** atau **mempunyai gejala yang semakin teruk**, dikehendaki hadir ke CAC atau hospital terdekat bagi pemeriksaan lanjut tanpa menunggu panggilan telefon daripada CAC; dan
- Individu yang belum menerima dos penggalak vaksin COVID-19 dinasihatkan agar segera mendaftar dan mendapatkan vaksin bagi melindungi diri dan orang tersayang.

KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak WHO. KKM akan memastikan langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM ABDULLAH
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

28 November 2022 @ 2.00 petang